

Pembangunan Pelajar dari Perspektif Rasulullah S.A.W.; Satu Pendekatan *Soft Skills* di KUKTEM

Zuridan Mohd Daud dan Haslinda Hashim
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)
Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM)
Karung Berkunci 12,
25000 Kuantan, Pahang
Tel: +6095492466, Faks: +609 549 2477
Laman web: <http://www.kuktem.edu.my/>
zuridan@kuktem.edu.my, haslinda@kuktem.edu.my

Abstrak: Di peringkat universiti, penglibatan secara menyeluruh semua pihak di dalam usaha membangunkan pelajar amatlah mustahak bagi melahirkan graduan yang cemerlang dan berketerampilan. Di KUKTEM potensi pelajar dibangunkan melalui penekanan kepada elemen-elemen *Soft Skills* iaitu, kepimpinan, bekerja di dalam kumpulan, kemahiran berkomunikasi, penghayatan kepada nilai-nilai positif dan kemampuan belajar dengan melibatkan peranan semua pihak bermula dari pengurusan tertinggi, pensyarah hinggalah kepada staf pentadbiran. Meneliti sejarah kehidupan Rasulullah s.a.w, kita akan menemui khazanah berharga pengalaman baginda s.a.w di dalam proses membangunkan potensi manusia. Baginda s.a.w bermula dengan membina generasi melalui pendekatan bersepadu iaitu membangunkan daya intelek, meningkatkan kemahiran bekerja dan menghidupkan kecerdasan rohani di kalangan pengikut baginda s.a.w. Pengalaman berharga yang dilalui oleh Rasulullah saw inilah yang akan digali sebagai panduan di dalam aktiviti pembangunan pelajar hari ini ke arah melahirkan generasi yang cemerlang akademik dan cemerlang sahsiahnya. Kertas kerja ini akan menekankan kepada kaedah yang ditekankan oleh baginda s.a.w di dalam pembangunan manusia melalui sirah (sejarah) hidup Rasulullah s.a.w sebagai contoh ikutan ummah dan sejauhmana penekanan baginda s.a.w terhadap kelima-lima elemen yang menjadi teras kepada *Soft Skills* di KUKTEM.

Katakunci: *Soft Skills*, pembangunan pelajar.

PENGENALAN.

Bangsa Arab pada asalnya adalah satu bangsa pengikut tetapi kemudiannya mereka telah menjadi pemimpin dunia, mereka pada asalnya adalah kabilah-kabilah yang berpecah belah serta sering berperang, kemudian menjadi bangsa yang bersaudara dan saling tolong menolong. Asalnya mereka tunduk dan menyerah kepada kekuasaan pemerintah Kisra dan Qaisar, kemudian tentera Kisra dan Qaisar pula menjadi takut dan gerun kepada kehebatan mereka. Inilah perubahan-perubahan yang berlaku kepada bangsa Arab setelah datangnya seorang pemimpin yang menjadi utusan Allah Taala iaitu Nabi Muhammad s.a.w. Ia bukan sahaja dibekalkan dengan kemahiran memimpin malah ia sentiasa berada di bawah naungan pertolongan dari Allah Taala.

Nabi Muhammad s.a.w mempunyai pelbagai keistimewaan yang membolehkannya menjadi seorang pemimpin yang mampu membangunkan masyarakatnya dan akhirnya membentuk satu kekuatan yang telah berjaya merubah bangsa Arab Jahiliah. Seterusnya mengangkat martabat kaum Arab menjadi bangsa yang mempunyai Tamadun yang gemilang dan disegani hingga kini.

Sepanjang sejarah Tamadun manusia tiada tokoh yang mampu menyaingi baginda s.a.w dari sudut kewibawaan baginda membangunkan manusia dan Tamadun yang sewajarnya dijadikan contoh pada masa sekarang.

Tulisan ini bertujuan menggali khazanah sirah atau perjalanan hidup Rasulullah s.a.w untuk dijadikan pedoman di dalam aktiviti pembangunan pelajar khususnya di Institut Pengajian Tinggi. Ini adalah kerana amat kurang pendedahan diberikan kepada pendekatan baginda s.a.w di dalam membangunkan insan untuk dijadikan rujukan.

Pendekatan inilah yang cuba diterapkan di KUKTEM melalui pelaksanaan program *Soft Skills* yang menumpukan kepada pembangunan pelajar dengan menekankan kepada aspek-aspek kemahiran insaniah iaitu kepimpinan, kebolehan bekerja dalam kumpulan, nilai positif, kemahiran komunikasi dan kebolehan belajar. Bagi menjayakan usaha ini pihak pengurusan KUKTEM juga telah menggariskan lima nilai teras yang cuba diterapkan di kalangan tenaga akademik dan kakitangan pentadbiran bagi memastikan wujudnya kesinambungan proses pembangunan pelajar di KUKTEM. Nilai-nilai teras tersebut adalah seperti berikut:

- 1) Hubungan kuat dengan Yang Maha Pencipta.
- 2) Teguh pendirian di dalam mempertahankan prinsip.
- 3) Kreatif dan bijak di dalam membuat keputusan.
- 4) Cekal di dalam menghadapi cabaran.
- 5) Proaktif dalam tindakan.

SOFT SKILLS DI KUKTEM

Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM) ditubuhkan pada 2002 dengan bidang fokus yang memberikan tumpuan kepada pembinaan aspek teknikal dan kejuruteraan. Struktur kurikulum KUKTEM memberi penekanan kepada ilmu pengetahuan teknikal dan pengaplikasian teknologi terkini, kemahiran teknikal seperti memasang peralatan mesin dan juga aspek kemahiran keinsanan. Komponen kemahiran keinsanan atau *Soft Skills* ini mendapat penekanan yang serius kerana pengetahuan dan kemahiran teknikal sahaja telah didapati tidak mencukupi untuk melahirkan graduan yang berdaya saing. Elemen-elemen kemahiran keinsanan seperti kepimpinan, kerja berpasukan, komunikasi, analitikal dan sebagainya merupakan keunikan latihan kepada graduan KUKTEM.

Program *Soft Skills* di KUKTEM bukan hanya merupakan program aktiviti semata-mata malah ia dijadikan sebahagian daripada kurikulum dalam dua tahap iaitu UHS1011 untuk tahap 1 dan UHS2011 untuk tahap 2. Bentuk aktiviti pula tidaklah hanya terbatas kepada di dalam bilik atau dewan kuliah seperti syarahan, tutorial, ceramah, bengkel, dan seminar tetapi juga meliputi aktiviti di luar seperti projek amal atau kemasyarakatan, perkhemahan, persatuan, kelab, badan beruniform dan sebagainya. Dengan kata lain, pelaksanaan program *Soft Skills* diintegrasikan dalam semua matapelajaran dan semua aktiviti pelajar.

Penilaian pencapaian pelajar diukur menggunakan konsep trampil. Ini bermaksud, pelajar yang telah memenuhi semua aspek penilaian menunjukkan mereka telah trampil (Trampil-KY). Manakala pelajar yang belum memenuhi aspek ketrampilan menunjukkan mereka masih belum trampil (Tidak Trampil-KT). Ketrampilan pelajar akan dinilai berdasarkan nilai mata terkumpul sepanjang tempoh penilaian dan dibahagikan kepada tiga kategori iaitu:

- a) KY (Trampil Cemerlang) bagi pelajar yang melengkap semua aktiviti di bawah program *Soft Skills* dan melepasi tahap minimum ketrampilan berdasarkan nilai mata terkumpul.
- b) KY (Trampil Baik) bagi pelajar yang melengkap semua aktiviti di bawah program *Soft Skills* dan mencapai tahap minimum ketrampilan berdasarkan nilai mata terkumpul, dan
- c) KT (Tidak Trampil) bagi pelajar yang tidak memenuhi semua aktiviti di bawah program *Soft Skills* dan gagal mencapai tahap minimum ketrampilan berdasarkan nilai mata terkumpul.

Penilaian dan keputusan akhir *Soft Skills* seseorang pelajar sama ada KY (Trampil Cemerlang), KY (Trampil Baik) atau KT (Tidak Trampil) akan direkodkan secara rasmi oleh para penilai mengikut kapasiti dan autoriti masing-masing ke dalam satu sistem pengurusan penilaian integrasi berkomputer atau *Integrated Management System (IMS)*. Setiap keputusan pelajar yang telah direkodkan ini akan tersimpan di dalam sistem pelajar itu sendiri dan ianya juga boleh dirujuk oleh Penasihat Akademik serta Dekan setiap fakulti.

PERSEDIAAN UNTUK MENJADI PEMBANGUN UMMAH.

Berdasarkan kepada catatan sirah Rasulullah s.a.w dapat kita simpulkan bahawa situasi kehidupan masa remaja banyak mempengaruhi perkembangan diri dan cara hidup baginda s.a.w. Pengalaman ketika remaja ini banyak membantu membina sahsiah baginda sebagai satu persiapan untuk menjadi pembangun ummah. Antara pengalaman berharga yang dilalui oleh baginda s.a.w ialah:

1) Pengalaman sebagai pengembala kambing:

Semasa kanak-kanak lagi Nabi s.a.w sudah terdedah dengan aktiviti penduduk Mekah iaitu memelihara kambing. Baginda s.a.w diamanahkan untuk mengembala kambing milik bapa saudaranya di mana awal-awal pagi lagi baginda akan keluar ke padang ragut membawa kambing peliharaannya dan pulang pada lewat petang.

Dengan rutin yang sedemikian menyebabkan baginda s.a.w tidak mempunyai masa untuk terlibat dengan aktiviti yang tidak berfaedah yang biasanya dilakukan oleh remaja Mekah yang berusia dengannya.

Berada di tengah padang rumput yang luas dan indah pula memberikan baginda s.a.w peluang untuk berfikir dan merenung tentang keindahan penciptaan alam semesta ini dan akhirnya menimbulkan bibit keimanan kepada Yang Maha Pencipta.

Mengembala kambing di kawasan yang jauh dari penempatan manusia sering terdedah dengan ancaman serigala liar yang mengintai-ngintai untuk membaham kambing peliharaan baginda. Oleh itu baginda s.a.w sentiasa memastikan kambingnya berada di dalam kumpulan agar tidak dibaham serigala. Ini tanpa disedari telah berjaya memupuk rasa keprihatinan baginda s.a.w terhadap perlunya berada di dalam kumpulan atau jamaah kerana dengannya akan menjadikan seseorang lebih kuat dan terpelihara dari ancaman luaran.

Rasulullah s.a.w bersabda: “Tiada seorang Nabipun melainkan mereka pernah menjadi pengembala kambing”. Ditanya kepada Rasulullah: “Kamupun begitu wahai Rasulullah? Jawab baginda: “Ya! Akupun begitu”.¹

2) Pengalaman berniaga.

Seawal usia 12 tahun Nabi Muhammad s.a.w sering diajak keluar negeri oleh bapa saudaranya Abu Talib untuk membantu menguruskan perniagaan. Ini adalah kerana keperibadian baginda s.a.w telah menyebabkan Abu Talib mengasihinya melebihi daripada kasihnya terhadap anak kandung sendiri. Biasanya destinasi perniagaan yang dituju ialah negara Syam di mana tempat berlansungnya aktiviti perniagaan dan pertemuan pelbagai bangsa seperti bangsa Arab, Rom dan Parsi. Baginda s.a.w juga pernah menguruskan perniagaan Khadijah binti Khuwailid sebelum baginda berkahwin dengannya.²

Di dalam menjalankan perniagaan ini baginda s.a.w terdedah dengan ilmu perniagaan yang menjadikannya mahir dalam berinteraksi dengan manusia dan berhadapan dengan pelbagai ragam mereka. Dengan berniaga juga baginda terlatih dengan kebolehan memikat hati manusia untuk membeli barangan yang dijual.

Pendedahan awal dengan ilmu perniagaan ini memberikan satu kekuatan kepada Rasulullah s.a.w di dalam memasarkan dakwahnya di tengah masyarakat. Ia dapat membiasakan baginda untuk berinteraksi dengan pelbagai lapisan masyarakat dan cekal di dalam menghadapi kerenah mereka. Jika ketika remaja baginda keluar bertemu manusia untuk menjual barang dagangan bersama bapa saudaranya maka apabila dewasa dan dilantik menjadi Rasul, baginda s.a.w keluar pula untuk menyampaikan risalah Islam.

3) Pengalaman bersendirian di Gua Hira.

Rasulullah s.a.w yang sudah terbiasa untuk tidak mencampuri aktiviti yang tidak mendatangkan faedah mencari tempat yang sesuai untuk menjauhi adat dan budaya masyarakat Arab Jahiliyah. Maka baginda telah menjumpai tempat yang sesuai iaitu gua Hira. Di sana baginda duduk bersendirian mengenang akan keruntuhan nilai masyarakat Arab Jahiliyah yang terkenal dengan aktiviti hiburan, minum arak, pelacuran dan sebagainya.

Di gua Hira baginda bertafakkur sebulan setiap tahun sebagai cara membersihkan diri dan berfikir tentang hakikat kehidupan. Selesai sahaja berkhalwat baginda akan keluar dari gua dan menuju ke Kaabah untuk mengerjakan tawaf. Dengan ini baginda s.a.w dapat menyucikan jiwanya.

Diriwayatkan di dalam kitab Sirah bahawa suatu hari ketika baginda s.a.w bersendirian di Gua Hira, baginda terdengar bunyi-bunyian muzik dan pesta di tengah kota Mekah, maka terdetik di hati baginda untuk menyertai pesta tersebut,

¹ Ibnu Hisham, *Al-Sirah Al-Nabawiah*, 1987, Beirut, Darul Jil, Juz 1, hal: 154.

² Muhammad Husain Haekal, *Sejarah Hidup Nabi Muhammad s.a.w*, 1989, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 60.

namun setelah melangkah kaki keluar dari gua Hira baginda terasa mengantuk dan terduduk lalu tertidur. Apabila matahari terbit barulah baginda terjaga dan pesta di tengah kota Mekah telah tamat.

Ini adalah merupakan satu bentuk pemeliharaan secara langsung dari Allah Taala agar baginda s.a.w sentiasa terpelihara jiwanya dari diresapi kekotoran jahiliah. Kerana untuk menjadi seorang pembangun ummah, baginda s.a.w hendaklah mempunyai persiapan lahiriah dan batiniah yang seimbang, kerana seharusnya seseorang yang kotor jiwanya dapat membangunkan ummah dan melahirkan masyarakat yang bertamadun.

PENDEKATAN PEMBANGUNAN INSAN MENURUT PERSPEKTIF RASULULLAH S.A.W.

Berdasarkan penelitian terhadap sirah Nabi s.a.w kita dapat melihat bagaimana baginda membangunkan nilai-nilai yang positif di dalam diri para sahabatnya yang terdiri daripada kalangan kanak-kanak, golongan muda dan juga dewasa. Mereka jugalah secara tidak langsung merupakan pelajar kepada Rasulullah s.a.w. yang akhirnya menjadi pemangkin kepada tertegaknya sebuah Tamadun Islam yang unggul. Sebagai seorang manusia yang diamanahkan untuk membangunkan masyarakat Arab Jahiliah yang telah hidup di dalam kesesatan ideologi dan kegelapan amalan hidup yang hanya berteraskan nafsu selama lebih dari 300 tahun baginda s.a.w telah dibantu dengan didikan secara langsung daripada wahyu Allah Taala. Oleh itu kita dapati banyak ayat-ayat al-Quran yang memberikan panduan kepada baginda s.a.w di dalam melaksanakan amanah membangunkan insan. Panduan ini jugalah yang boleh dituruti oleh kita di dalam usaha membangunkan manusia.

Firman Allah Taala yang bermaksud: ((*Maka dengan rahmat Allah kamu menjadi lembut dengan mereka, dan jika kamu (Muhammad) kasar dan berkeras hati nescaya mereka akan melarikan diri dari kelilingmu, maka maafkanlah mereka dan mohon keampunanlah serta berbincanglah dengan mereka di dalam urusan (agama) dan apabila kamu berazam maka bertawakkallah kepada Allah, sesungguhnya Allah mengasihi golongan yang bertawakkal*)). Ali Imran: 159.

FirmanNya lagi: ((*Serulah kepada jalan Tuhanmu dengan penuh hikmah dan contoh tauladan yang baik dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang terbaik*)). Al-Isra':125.

Pembentukan peribadi Rasulullah s.a.w yang dibina secara langsung oleh Allah Taala telah menjadikan baginda sebagai seorang pendidik yang sangat berwibawa dan mampu memberikan kesan mendalam kepada manusia di sekelilingnya.

Antara pendekatan Rasulullah s.a.w di dalam membangunkan sahsiah para sahabatnya ialah seperti berikut:

1) Melalui contoh tauladan yang baik.

Firman Allah Taala:

“Sesungguhnya bagi kamu pada diri Rasulullah s.a.w ada contoh tauladan yang baik, bagi mereka yang mengharapkan (redha) Allah dan balasan di akhirat dan banyak mengingati Allah”. Al-Ahzab : 21.

Contoh tauladan adalah amat memberikan kesan kepada diri manusia kerana bermula dari seawal umur remaja sehinggalah ke usia dewasa mereka lebih terkesan dengan suasana persekitaran yang dibentuk samada oleh ibubapa, guru-guru, para pensyarah malah masyarakat sekeliling.

Oleh kerana itulah Rasulullah s.a.w ada menegaskan dengan sabdanya: “Setiap anak-anak itu dilahirkan dalam keadaan fitrah (bersih) maka ibubapanyalah yang menjadikan mereka Yahudi, Nasrani ataupun Majusi”. Justeru itu baginda menekankan kepada pendidik supaya memberikan contoh tauladan yang baik. Pelajar apabila melihat guru-gurunya mempunyai perilaku yang baik maka ia akan terkesan dan mengikut mereka.

Ibnu Hisham rahimahullah telah menyatakan bahawa setelah Malaikat Jibril a.s mengajar Rasulullah s.a.w berwudhuk dan solat maka bagindapun pergi berjumpa isterinya Khadijah binti Khuwailid r.ah. Kemudian baginda s.a.w mengambil wudhuk di hadapannya dengan tujuan memberikan contoh praktikal kepadanya cara berwudhuk sepertimana yang diajarkan oleh Malaikat Jibril a.s. Lalu diikuti oleh Khadijah berwudhuk, kemudian Rasulullah s.a.w mengerjakan solat bersamanya sepertimana diajarkan oleh Malaikat Jibril a.s.³

Juga kita dapat lihat bagaimana Ibnu Abbas r.hma terkesan apabila melihat Rasulullah s.a.w bangun malam mengerjakan ibadah, ia terus bangkit mengikut baginda. Imam Bukhari meriwayatkan bahawa Ibnu Abbas r.hma berkata: “Aku

³ Ibnu Hisyam, *Al-Sirah Al-Nabawiah*, 1987, Beirut, Darul Jil, Juz 1, hal. 227

tidur di rumah Maimunah ibu saudaraku, kemudian aku lihat Rasulullah s.a.w bangun di tengah malam, baginda bangun dan mengambil wudhuk dari bekas air yang tergantung, kemudian baginda bersolat, lalu akupun bangun, aku mengambil wudhuk dari bekas air yang digunakan baginda untuk berwudhuk, kemudian aku berdiri untuk solat disebelah kirinya, lalu baginda mengubahku ke sebelah kanannya, kemudian ia solat...

Abu Daud rahimahullah pula meriwayatkan bahawa Abdullah bin Abi Bakrah rahimahullah berkata: Aku berkata kepada ayahku, "Wahai ayah! Aku dengar kamu berkata setiap pagi, "Ya Allah sihatkanlah pendengaranku, Ya Allah sihatkanlah penglihatanku, dan tiada Tuhan melainkan Engkau". Kamu mengulanginya tiga kali ketika pagi dan tiga kali ketika petang". Lalu bapakku berkata: "Wahai anakku! Seseungguhnya aku dengar Rasulullah s.a.w berdoa dengannya, maka aku suka mengikut sunnahnya".

Berdasarkan contoh di atas amat jelas bagaimana suasana pembinaan generasi sahabat yang banyak terkesan dengan tingkahlaku Rasulullah s.a.w.

Ini amat bersesuaian dengan pepatah Arab yang ada menyebut: "Lidah perbuatan lebih fasih (kuat memberi kesan) daripada lidah yang berkata-kata".

2) Pemilihan waktu yang sesuai.

Meneliti sirah Rasulullah s.a.w kita dapati baginda amat bijak memilih waktu yang sesuai untuk memberikan nasihat dan membangunkan keperibadian para sahabatnya serta membina kefahaman yang betul.

Terdapat tiga waktu yang sering dijadikan masa untuk mendidik para sahabatnya:

i. Ketika dalam perjalanan.

Dalam perjalanan biasanya akan timbul rasa seronok dan kurangnya kesibukan dengan urusan-urusan lain. Umpamanya ketika bermusafir, lawatan ataupun perjalanan singkat ke suatu tempat.

Baginda s.a.w seringkali menggunakan waktu ini untuk memberikan nasihat dan juga memberikan panduan di dalam melakukan sesuatu. Ini akan memberikan kesan yang baik.

Ibnu Abbas r.a berkata: Nabi s.a.w telah dihadiahkan dengan seekor baghal...lalu baginda s.a.w menunggangnya dan mengajak aku naik di belakangnya, lalu baginda membawanya berjalan-jalan, kemudian baginda menoleh ke arahku dan bersabda, "Wahai budak! Lalu aku menjawab, "Ya wahai Rasulullah! Baginda bersabda: "Peliharalah (hak) Allah, maka Ia akan memeliharamu..."⁴.

Salamah bin al-Akwa' r.a menceritakan: "Ketika kami dalam perjalanan menuju ke Khaibar, salah seorang dari kalangan kami meminta seorang penyair di kalangan sahabat bernama 'Amir r.a supaya bersyair untuk memberi semangat, lalu 'Amir bersyair: "

"Ya Allah Tuhan kami! Kalau tidak keranaMu nescaya kami tidak akan dapat pertunjuk. Tidaklah dapat bersedekah dan bersembahyang. Sesungguhnya kaum kami mahu menyerang kami. Dan jika mereka mahu membuat fitnah ke atas kami, kami tetap menolak. Maka turunkanlah ketenangan kepada kami dan tetapkan kaki-kaki kami apabila berdepan dengan musuh..."

Lalu Rasulullah s.a.w bersabda: "Mudah-mudahan Allah mengurniakan rahmat kepada kamu".

Di tengah-tengah perjalanan mereka menuju ke Khaibar itu mereka telah melalui suatu lembah lalu para sahabat bertakbir dengan kuat. Kemudian Nabi s.a.w menegur mereka dengan bersabda: "Kamu bukannya memohon doa daripada Tuhan yang pekak dan tiada (jauh), tetapi kamu berdoa kepada Tuhan yang Maha Mendengar lagi hampir kepadamu"⁵.

ii. Ketika waktu makan.

⁴ Muhammad Nur bin Abdul Hafiz Suwaid, *Manhaj Tarbiah Nabawiah Lil Tifl*, (1998) Damsyik, Dar Ibnu Kathir, hal.125.

⁵ Abdul Hadi Awang, *Fiqh Al-Harakah dari Sirah Nabawiah*, 1992, KL, Dewan Pustaka Fajar, hal. 282,283.

Biasanya personaliti seseorang boleh dikenali melalui tabiat makannya. Waktu makan juga amat sesuai untuk berbincang dan menyampaikan sesuatu mesej yang baik. Justeru itu baginda s.a.w juga menjadikan waktu makan sebagai masa yang sesuai menegur dan memperbetulkan para sahabatnya.

Di dalam konteks keluarga umpamanya ibubapa seharusnya tidak mengabaikan waktu makan bersama anak-anak untuk menanamkan nilai mulia kepada mereka. Manakala bagi guru-guru, pensyarah dan sesiapa yang terlibat di dalam pembangunan pelajar seharusnya mempunyai waktu untuk makan bersama dengan mereka agar ketika makan bukan sahaja dipenuhi dengan senda gurau yang tiada berfaedah tetapi sebaliknya digunakan untuk menanamkan nilai yang baik dan memberikan kefahaman yang betul.

Rasulullah s.a.w bersabda: “Makanlah makananmu bersama-sama, Allah akan memberkatimu pada makanan itu”⁶.
Riwayat Abu Daud dan Tirmizi.

Imam Bukhari dan Muslim telah meriwayatkan daripada Umar bin Abi Salamah r.a, katanya: Ketika aku masih kanak-kanak, aku duduk di atas ribaan Rasulullah s.a.w, tanganku mencapai makanan lantas Rasulullah s.a.w berkata kepadaku: “Sebutlah nama Allah Taala(Bismillah), makanlah dengan tangan kananmu dan makanlah dengan mengambil yang terdekat/di hadapanmu(ketika mula makan)...

Nabi s.a.w juga pernah mengajar para sahabat agar menghormati orang yang lebih tua dengan bersabda ketika makan: “Yang besar! Yang Besar! Yakni mulakan dengan orang lebih tua di kalangan yang duduk (untuk makan).

iii. Ketika waktu sakit.

Sakit boleh melembutkan jiwa manusia yang keras, kerana biasanya seseorang apabila ditimpa penyakit barulah hatinya akan ingat kepada pencipta. Ketika sakit barulah seseorang tahu betapa besarnya nikmat sihat yang dikurniakan oleh Tuhan dan ketika sakit barulah hati terdetik memohon doa dari Tuhan.

Rasulullah s.a.w telah mengambil kesempatan waktu sakit untuk menyampaikan mesej dakwah baginda. Ini dibuktikan melalui apa yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari bahawa Anas r.a telah berkata: “Seorang kanak-kanak Yahudi yang berkhidmat dengan Rasulullah s.a.w jatuh sakit, lalu Nabi s.a.w datang menziarahinya dan duduk di sisi kepalanya lantas bersabda: “Islamlah kamu!. Kanak-kanak tersebut memandang kepada bapanya. Lalu bapanya berkata: “Ikutlah apa yang diminta oleh Abul Qasim (Rasulullah s.a.w). Lalu kanak-kanak tersebut memeluk Islam. Kemudian Nabi s.a.w keluar dan bersabda: “Segala puji bagi Allah yang telah menyelamatkannya dari api neraka”.

Lihatlah bagaimana Nabi s.a.w menerapkan dakwahnya dengan mengambil kira waktu sakit sebagai waktu di mana hati manusia mudah tersentuh dan mudah untuk menerima nasihat kerana ketika sakitlah seseorang akan menyedari hakikat kelemahan diri. Di waktu sakit juga seseorang mudah terhutang budi khususnya bagi yang menziarahinya. Lebih-lebih lagi jika yang menziarahinya itu seorang yang mempunyai kedudukan seperti Rasulullah s.a.w.

3) Memberikan keadilan dan kesaksamaan.

Asas ketiga pendekatan pembangunan insan yang dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w ialah keadilan dan kesamarataan. Iaitu baginda berusaha mengurangkan jurang di kalangan para sahabatnya dan memastikan mereka sentiasa merasakan diri masing-masing adalah penting dan dihargai.

⁶ Abu Bakr Jabir al-Jazairi, *Pedoman Hidup Muslim*, KL, Victory Agencie, hal.200.

Ini adalah kerana jika tiadanya keadilan maka akan timbullah perasaan hasad dengki dan prasangka buruk yang akhirnya akan membawa kepada permusuhan dan mendedahkan kepada lemahnya sesuatu organisasi. Oleh kerana itulah Nabi s.a.w bersabda: “ Sesungguhnya orang yang berlaku adil akan berada di sisi Allah di atas mimbar yang dibujat dari cahaya...yakni orang yang adil dalam hukum mereka, adil terhadap keluarga mereka dan apa yang di amanahkan kepada mereka...” Riwayat Muslim.

Nabi s.a.w telah mempamerkan kepada kita bagaimana melaksanakan keadilan melalui sirahnya. Imam Bukhari dan Muslim meriwayatkan dari An-Nu'man bin Al-Basyir r.a, bahawa bapanya telah membawanya (An-Nu'man) kepada Rasulullah s.a.w dan berkata: “Aku menghadiahkan budak suruhanku kepada anakku ini”. Lalu baginda s.a.w bertanya: “Apakah semua anakmu kamu hadiahkan seperti ini?”. Jawab bapaku: “Tidak”. Maka baginda s.a.w bersabda: “Janganlah kamu bersaksi bohong ke atasku”. Kemudian baginda menyambung: “Apakah kamu suka jika mereka semua sama-sama berbuat baik kepadamu? Jawab bapaku: “Ya”. Maka sabda Rasulullah s.a.w: “Maka janganlah! (yakni jangan melebihi seorang anak sahaja)”.

An-Nu'man bin Basyir r.a berkata bahawa Nabi s.a.w telah bersabda: “ Berlaku adillah kepada anak-anakmu di dalam sedekah (memberi hadiah), sepertimana kamu suka jika mereka berlaku adil kepadamu di dalam berbuat baik dan bersikap lemah lembut”.

Imam Muslim pula meriwayatkan dari Jabir bin Abdullah r.a, katanya: Dua orang kanak-kanak bergaduh, seorang dari golongan Muhajirin dan seorang lagi dari golongan Ansar. Muhajir berkata: “(Menang) Untuk golongan muhajirin! Kanak-kanak Ansar pula berkata: “(Menang) untuk golongan Ansar! Lalu Nabi s.a.w pun keluar dan bertanya: “Apa ni? Seruan Jahiliah!? Lalu mereka (yang menyaksikan pergaduhan itu) berkata: “Tidak wahai Rasulullah! Dua orang kanak-kanak ini bergaduh, mereka saling menyepak belakang (punggung)”. Sabda Rasulullah s.a.w: “Tidak mengapa, seseorang itu hendaklah membantu kawannya yang zalim atau yang dizalimi. Jika yang zalim cegahlah ia, itulah kemenangan dan jika dizalimi bantulah ia....”.

4) Menjauhi celaan dan kejian.

Di dalam membangunkan jiwa dan sahsiah para sahabatnya baginda s.a.w telah mempamerkan sikap yang sangat positif. Iaitu baginda berusaha menghindari celaan dan kejian terhadap tindakan para sahabat yang tidak disenanginya.

Ini dibuktikan dengan apa yang dinyatakan oleh Anas r.a yang menjadi khadam kepada Rasulullah s.a.w selama 10 tahun, katanya: “Tidak pernah ia (Rasulullah s.a.w) berkata kepadaku apabila aku buat sesuatu dengan; “Mengapa kamu buat? Dan sesuatu yang tidak aku buat dengan; “Mengapa kamu tidak buat?”

Juga diriwayatkan bahawa satu ketika Nabi s.a.w dan para sahabat berada di dalam masjid dan tiba masuk seorang badwi lantas kencing di dalam masjid. Para sahabat yang melihat kejadian tersebut telah menyinsing lengan baju untuk memukul badwi tersebut. Tetapi baginda s.a.w menghalang dan memerintahkan supaya diambil air dan dihiruskan ke tempat najis. Badwi yang melihat tindakan baginda s.a.w lantas memeluk Islam dan berdoa: “Ya Allah rahmati aku dan rahmatilah Nabi Muhammad dan jangan rahmati yang lain(yang ingin memukulku)”.

5) Menceritakan kisah-kisah umat terdahulu.

Kisah umat-umat terdahulu ada dinyatakan oleh Allah Taala di dalam al-Quran dan sangat berkesan dalam menimbulkan kesedaran. Ia boleh menanamkan nilai-nilai mula yang dipamerkan oleh umat terdahulu. Juga boleh menyedarkan bagaimana bencana yang menimpa kepada umat yang menolak seruan utusan Allah Taala. Di samping itu melalui kisah-kisah ini boleh dibuat penelitian terhadap faktor-faktor kebangkitan dan kejatuhan sesebuah Tamadun.

Ada sebahagian ulama yang berkata: “Hikayat-hikayat adalah merupakan sebahagian dari tentera-tentera Allah Taala, dengannya Allah Taala menetapkan hati wali-walinya (pejuang-pejuang Islam)”.

Firman Allah Taala yang bermaksud: ((Dan semua kisah para Rasul Kami(Allah) ceritakan kepadamu, iaitu kisah yang dengan boleh meneguhkan hatimu dan datang kepadamu padanya kebenaran serta tauladan dan peringatan bagi orang-orang yang beriman)) Hud: 120.

Imam Abu Hanifah berkata: “Hikayat-hikayat tentang ulama dan kebaikan mereka lebih aku suka mendengarnya dari Ilmu Feqah, kerana ia adalah peradaban sesuatu kaum”. Sebagaimana firman Allah Taala yang bermaksud: ((Sesungguhnya pada kisah-kisah mereka itu terdapat pengajaran bagi orang yang berakal...)). Yusuf: 111.

Antara kisah-kisah al-Quran yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w bagi menyedarkan masyarakat jahiliah dan memperkukuhkan keimanan para sahabat ialah kisah Nabi Ibrahim, Nabi Ismail, kisah Ashabul Ukhdud, kisah Juraij, kisah lelaki bernama al-Kipl dan lain-lain.

Diriwayatkan daripada Abdullah bin Umar r.a, katanya: “Aku dengar Rasulullah s.a.w bersabda: “Pada zaman dahulu terdapat seorang lelaki bernama al-Kipl, beliau tidak takut kepada sesiapaupun. Kemudian seorang wanita datang menemuinya memohon sedekah, lalu diberinya wang yang banyak (ada riwayat menyatakan 60 dinar). Maka apabila Al-Kipl mahukan diri wanita tersebut, maka wanita itupun menggigil dan menangis. Lalu Al-Kipl pun bertanya: “Apa yang menyebabkan kamu menangis?. Jawab wanita itu: “Saya menangis kerana perbuatan ini tidak pernah saya lakukan, saya tidak datang melainkan kerana keperluan yang mendesak. Kata Al-Kipl: “Kamu buat ini kerana takutkan Allah!?” Maka aku sepatutnya lebih takut, pergilah kamu! Dan ambillah apa yang aku berikan tadi, dan demi Allah aku tidak berbuat maksiat lagi”. Kemudian pada malamnya ia meninggal dunia dan dicatat pada pintunya, sesungguhnya Allah telah mengampunkan Al-Kipl. Semua yang mendengar rasa takjub dengan kisah tersebut, kerana Allah Taala mewahyukan kisahnya kepada Nabi mereka (Muhammad s.a.w).

Kisah lain yang diceritakan oleh Rasulullah s.a.w kepada sahabatnya ialah kisah al-‘Aqra (penyakit keguguran rambut/botak), al-Abras (penyakit sopak) dan al-A’ ma (buta). Abu Hurairah r.a mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: “Ada tiga orang Bani Israel, Si Sopak, Si Botak dan Si Buta. Maka Allah Taala ingin menguji mereka. Lalu Allah mengutus Malaikat kepada Si Sopak dan bertanya: Apakah yang paling kamu sukai? Jawab Si Sopak: Aku suka warna kulit yang cantik dan kulit yang baik serta hilang penyakit yang menyebabkan orang membenciku. Tanya Malaikat lagi: Harta apakah yang kamu idamkan? Jawabnya: Unta....Kata Malaikat: Aku berikan kepadamu Unta yang sihat. Jawab Si Sopak: Moga Allah memberkatimu.

Kemudian cerita Rasulullah s.a.w lagi: Malaikat mendatangi pula Si Botak pula dan bertanya: Apa yang kamu sukai? Jawabnya: Rambut yang elok dan hilanglah dariku perkara yang membuatkan orang menghinaku. Maka Malaikatpun menyapu kepalanya, maka hilanglah darinya. Berkata Malaikat: Aku berikan kamu rambut yang elok. Kemudian tanya Malaikat: Apakah harta idamanmu? Jawab Si Botak: Lembu! Kata Malaikat: Aku berikan kepadamu lembu. Jawab Si Botak: Moga Allah memberkatimu.

Kemudian Malaikat datang pula kepada Si Buta dan bertanya: Apakah yang kamu sukai? Jawabnya: Kambing! Lalu ia menjawab: Kambing! Lalu dikurniakan seekor kambing.

Maka berkembang biaklah binatang ternakan yang dikurniakan kepada mereka, hingga ada yang memiliki satu lemah unta, lembu dan juga kambing.

Kemudian baginda s.a.w meneruskan cerita, katanya: Selepas itu datanglah semula malaikat bertemu dengan Si Sopak dan berkata: “ Aku lelaki miskin, aku tertinggal dalam perjalananku, tiada yang dapat membantu melainkan Allah, kemudian engkau. Aku mohon bantuanmu dengan apa yang memberikanmu warna yang cantik, kulit yang elok dan harta. Seekor binatang tunggangan agar aku dapat tersukan perjalanan”. Lalu jawab Si Sopak: “Banyak lagi tanggungjawabku!. Maka malaikatpun berkata: “Aku kenal engkau! Bukankah kamu asalnya berpenyakit sopak dan orang menghinamu dan kamu sangat miskin kemudian Allah Taala mengurniakan kekayaan kepadamu? Katanya lagi: “Sesungguhnya aku wariskan harta ini kepada orang yang besar diri....Jika kamu telah berbohong maka Allah Taala jadikan kamu seperti keadaan asalmu..”.

Sabda Rasulullah s.a.w lagi: Kemudian malaikat mendatangi Si Botak, kemudian ia berkata seperti apa yang dikatakan kepada Si Sopak dan dijawab sepertimana yang dijawab. Lalu kata malaikat: “Jika kamu telah berbohong maka Allah Taala jadikan kamu seperti keadaan asalmu”.

Kemudian malaikat datang berjumpa dengan Si Buta dan berkata: “Saya orang miskin, berkelana pula, saya telah tertinggal dalam perjalanan. Tidak ada yang dapat membantuku melainkan Allah dan kamu. Saya memohon darimu dengan keberkatan yang telah mengembalikan penglihatanmu seekor ternakan untuk aku naiki dalam perjalananku”. Jawab Si Buta: “Saya asalnya seorang buta, kemudian Allah Taala telah kembalikan penglihatanku. Maka ambillah apa sahaja yang kamu kehendaki. Demi Allah! Saya tidak akan..... Kata Malaikat: “Ambillah hartamu, sesungguhnya kamu semua telah diuji, maka Allah Taala meredhaimu (Si Buta) dan Ia murka ke atas dua sahabatmu..”.

Demikianlah antara kisah-kisah yang diceritakan oleh Rasulullah s.a.w kepada para sahabatnya bertujuan meningkatkan keimanan dan menanamkan keyakinan bahawa apa yang disampaikannya adalah benar. Kisah-kisah ini amat memberi bekas kepada jiwa para sahabat dan juga masyarakat Quraish yang masih belum beriman.

Menurut Dr Abdul Karim Zaidan di dalam bukunya *'al-Mustafad min Qasasil Quran'* bahawa kisah-kisah yang dinyatakan oleh Allah Taala di dalam al-Quran mempunyai hikmah yang besar di dalam memangkin usaha dakwah yang dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w. Antara hikmah tersebut ialah dapat memahami pendekatan dakwah yang dilakukan oleh para Nabi terdahulu dan cabaran yang dihadapi oleh mereka.

6) Perbicaraan secara langsung dan jelas.

Pendekatan yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w di dalam membangunkan masyarakatnya ialah dengan menggunakan kaedah secara langsung dan berterus-terang tanpa berselindung. Ini memberikan kefahaman yang jelas kepada sesiapa yang mendengar penerangan baginda. Ini jugalah yang menjadi dasar kepada Islam yang merupakan agama yang jelas dan difahami.

Setiap yang diungkapkan oleh baginda s.a.w biasanya akan menjadi satu kaedah pemikiran atau asas di dalam aqidah serta ibadah.

Sebagai contoh apa yang dikatakan oleh baginda s.a.w kepada Ibnu Abbas r.a. Ibnu Abbas r.a berkata: “ Pada suatu hari aku berjalan di belakang Rasulullah s.a.w, lalu baginda bersabda: “Wahai anak! Aku ingin mengajarmu beberapa perkara.....Peliharalah hak Allah maka Ia akan memeliharaamu, apabila kamu meminta maka mintalah dari Allah, dan apabila kamu memohon pertolongan maka mohonlah dari Allah, ketahuilah bahawa umat manusia jika mereka berhimpun untuk memberikan sesuatu manfaat kepadamu mereka tidak mampu melaksanakannya kecuali dengan apa yang telah ditetapkan oleh Allah Taala. Dan jika mereka berhimpun untuk melakukan sesuatu kemudharatan kepadamu nescaya mereka tidak mampu melakukannya kecuali jika ditetapkan oleh Allah ke atasmu.....”.

Anas r.a berkata: Nabi s.a.w bersabda kepadaku: “Wahai anak! Apabila kamu mampu di waktu pagi dan petang tanpa ada sekelumit buruk hati kepada seseorang maka lakukanlah, kerana itu adalah sunnahku dan barangsiapa menghidupkan sunnahku maka seolah-olah ia menghidupkan aku dan barangsiapa yang menghidupkan aku maka ia akan bersamaku di Syurga”.

Di dalam hadis di atas Nabi s.a.w menggunakan perkataan “Wahai anak!” kepada Anas bin Malik seorang sahabat yang lebih muda daripada baginda. Dengan panggilan sedemikian menambahkan lagi rasa hormatnya kepada Rasulullah s.a.w.

Daripada contoh di atas dapat dilihat bagaimana baginda s.a.w mengungkapkan kata-kata yang mudah dan tersusun yang dapat memberikan kefahaman serta menanamkan prinsip-prinsip hidup kepada anak didiknya.

Rasulullah s.a.w juga bijak di dalam mengatur strategi dakwahnya. Apabila berhadapan dengan seseorang baginda akan berbicara menurut kadar kemampuan akal orang yang dihadapinya. Jika kanak-kanak maka baginda akan menyesuaikan dengan situasi kanak-kanak manakala apabila berhadapan dengan golongan dewasa baginda s.a.w akan membawa pendekatan yang sesuai dengan mereka.

Nabi s.a.w mengambil pendekatan memecahkan benteng yang menghalang hubungannya dengan para pengikutnya. Dengan memanggil mereka dengan gelaran ‘sahabatku’ menyebabkan semua pengikut baginda merasakan bahawa betapa baginda menghormati dan mengasihi mereka. Dengan ini mereka tidak lagi rasa malu untuk berkongsi masalah dengan baginda dan meluahkan perasaan mereka.

7) Menanamkan suasana kasih sayang.

Rasulullah s.a.w mengetahui bahawa kebiasaan Arab Jahiliah ialah mereka sangat kasih kepada kaum dan kabilah masing-masing. Hingga mereka sanggup berbunuhan demi maruah kaum mereka meskipun kebenaran tidak berpihak kepada mereka. Maka baginda berusaha membetulkan pemikiran asobiah ini dengan menanamkan kasih-sayang sesama insan malah terhadap binatang di atas dasar iman. Kerana kasih sayangnya yang akan dapat menjana kekuatan ummah.

Imam Bukhari meriwayatkan dari Anas bin Malik, katanya: “Kami masuk ke rumah Yusuf al-Qain bersama Rasulullah s.a.w. (menziarahi anaknya Ibrahim). Baginda adalah bapa kesayangan Ibrahim. Baginda memeluk Ibrahim lalu mengucupnya. Kemudian Ibrahim menangis maka berlinanglah airmata Rasulullah s.a.w. Lalu Abdul Rahman bin Auf bertanya: “Mengapa engkau menangis ya Rasulullah?”. Nabi menjawab: “Wahai Ibnu Auf! Itu adalah Rahmat dan kasih sayang”. Nabi bersabda lagi: “Sesungguhnya mata suka menangis dan hati suka bersedih, tetapi kita tidak boleh mengatakan sesuatu yang tidak diredhai oleh Allah. Sesungguhnya aku amat sedih berpisah denganmu wahai Ibrahim”.

8) Berdoa memohon bantuan Allah Taala.

Doa adalah merupakan cara terbaik agar apa yang dihasrat tercapai. Di dalam usaha membangunkan para sahabat untuk menjadi pemangkin kebangkitan Tamadun Islam baginda s.a.w memanjatkan doa kehadiran Allah s.aw kerana baginda meyakini bahawa segala usaha yang dilakukan tidak akan berjaya melainkan dengan bantuan Ilahi. Inilah juga yang menjadi ikutan para sahabat baginda s.a.w.

Di dalam sirah Rasulullah s.a.w tidak banyak kita dapati doa-doa yang berbentuk permintaan supaya dihancurkan atau dimusnahkan golongan kafir. Cuma baginda ada berdoa untuk kemusnahan golongan yang memerangi Islam secara terang di dalam medan perang. Selainnya baginda sering berdoa dalam maksud yang positif dan ini menggambarkan sikap optimis baginda tentang perubahan ke arah kebaikan.

Ini tergambar di dalam peristiwa Hijrah ke Taif apabila baginda s.a.w dihalau keluar dari bumi Taif dan dilempar batu oleh kanak-kanak Taif. Malaikat Jibril a.s telah turun kepada Rasulullah s.a.w bersama Malaikat penjaga gunung, lalu Jibril berkata: "Wahai Muhammad! Ini Malaikat penjaga gunung, kamu perintahkan ia menimpakan mereka (penduduk Taif) dengan dua gunung". Lalu baginda menjawab: "Aku berharap supaya semoga Allah Taala keluarkan dari sulbi mereka (zuriat) yang akan menyembah Allah".

Lihatlah bagaimana Rasulullah s.a.w mendoakan kebaikan golongan kafir agar pada suatu hari nanti akan lahirnya generasi baru Taif yang beriman kepada Allah Taala.

Imam Abu Daud meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w bersabda: "*Janganlah kamu doakan keburukan ke atas dirimu, dan janganlah doakan keburukan ke atas anak-anakmu, dan janganlah doakan keburukan ke atas khadammu, jangan nanti menepati saat Allah Taala menurunkan pemberianNya (lantas menepati doamu) dan dimakbulkan*".

Ibnu Abbas r.a berkata: "*Rasulullah s.a.w memelukku ke dadanya dan berdoa: "Ya Allah! Kurniakanlah ia ilmu dan hikmah"*. Riwayat Bukhari. Dan dengan keberkatan doa Rasulullah s.a.w ini Ibnu Abbas r.a telah dikurniakan kelebihan memahami Al-Quran dan digelar dengan gelaran *Hibrul Ummah* (dakwat ummah) dan *Turjumanul Al-Quran* (pakar penterjemah Al-Quran).

Di samping itu baginda Rasulullah s.a.w mengajar para sahabat agar menjadikan doa sebagai senjata dalam semua keadaan dan membudayakannya di dalam kehidupan. Oleh kerana itulah di dalam kehidupan seharian seorang muslim setiap aktiviti samada ketika bangun tidur, ketika hendak tidur, ketika makan dan selepasnya, ketika hendak bermusafir atau menaiki kenderaan dan sebagai dimulai dan diakhiri dengan doa. Ini menggambarkan betapa pentingnya doa yang menjadi lambang kekuatan hubungan dan kebergantungan seorang mukmin dengan Tuhannya.

KESIMPULAN.

Melihat kepada luasnya khazanah ilmu yang ditinggalkan oleh Nabi Muhammad s.a.w khususnya di dalam bidang pembangunan manusia maka sewajarnya usaha menggali khazanah ini diteruskan dan ditingkatkan. Kerana ia dapat membantu dan membimbing kita di dalam usaha membangunkan pelajar samada dari sudut sahsiah mahupun dari sudut ilmu dan kemahiran. Pengajaran dari Rasulullah s.a.w adalah amat relevan dengan masalah yang dihadapi kini kerana baginda s.a.w dituskan oleh Allah Yang Maha Bijaksana bertujuan untuk membangunkan manusia dan memberikan kemasalawatan kepada mereka. Pendekatan baginda s.a.w ini boleh diterapkan di dalam membangunkan Soft Skills di kalangan pelajar.

RUJUKAN.

Mohd Ali Hashimi, (1992),
Keperibadian Muslim, Kuala Lumpur, Pustaka Salam.

- Muhammad Husain Haekal (1989),
Sejarah Hidup Nabi Muhammad s.a.w, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Rawwas Qal 'ah Ji (1996),
Qiraah Siasiah Lil-sirah an-Nabawiah, Beirut, Darul Nafais.
- Abdul Hadi Awang (1992)
Fiqh Al-Harakah dari Sirah Nabawiyyah, Kuala Lumpur, Dewan Pustaka Fajar.
- Ibnu Hisham (1987)
Al-Sirah An-Nabawiah, Beirut, Darul Jil.
- Muhammad Said Ramadhan Al-Buti, 1980,
Fiqhul Sirah, Darul Fikr.
- Al-Mu' jam Al-Arabi Al-Asasi*, Laros.
- Abdullah bin Muhammad Mubarak (1997),
Kisah Para Nabi dan Rasul, Kuala Lumpur, Al-Hidayah Publisher.
- Ibnu Khaldun (2002),
Mukadimah, Kuala Lumpur, Dewan Pustaka Fajar.
- Abu Bakr Jabir al-Jazairi,
Pedoman Hidup Muslim, KL, Victory Agencie.
- Muhammad Nur bin Abdul Hafiz Suwaid (1998)
Manhaj Tarbiah Nabawiah Lil Tifl, Damsyik, Dar Ibnu Kathir.
- Haslinda Hashim, Muhammad Nubli Abdul Wahab dan Zarina Mohd Ali,
Konsep Dan Pelaksanaan Soft Skills Di Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM)
(Kertas Prosiding dibentangkan di Seminar Kebangsaan Pengajian Umum anjuran UTM di JB, Jun 2006)

<http://ccc.iasthost.com/assalamquran/default.asp>

<http://www.alalbany.net/>